

# Pendaftaran ahli baharu KWSP naik 57 peratus

**KUALA LUMPUR:** Pendaftaran ahli baharu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meningkat sebanyak 57 peratus kepada 146,000 ahli pada suku pertama 2022, menurut Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, pencarum sukarela terkumpul di bawah program i-Saraan juga telah melonjak sehingga 77 peratus kepada 599,000 pencarum dalam tempoh sama.

“Peningkatan ini menun-

jukan strategi jangka panjang KWSP untuk meluaskan liputan perlindungan sosial rakyat Malaysia dalam usaha memperkukuh ekosistem sokongan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) telah membuahkan hasil.

“Buat masa ini, walaupun ada pelbagai inisiatif perlindungan sosial yang diperkenal dan mendapat pembiayaan kerajaan, namun kesedaran mengenai pentingnya perlindungan

sosial dan persiapan untuk hari tua masih terlalu rendah dalam kalangan sejumlah besar rakyat Malaysia,” katanya dalam ucapan semasa majlis perasmian i-Lindung, semalam.

Menurutnya, antara aspek terpenting adalah pengukuhan perlindungan sosial dan tanggungjawab ini telah diberikan kepada KWSP apabila kerajaan memulakan Program Transformasi GLC.

“Dalam usaha memperkukuhkan eko-sistem sokongan GLC, KWSP telah memulakan strategi

jangka panjang untuk meluaskan liputan perlindungan sosial rakyat Malaysia.

“Saya difahamkan KWSP juga akan terus menyasarkan sektor tidak formal dan yang bekerja sendiri, untuk memastikan semua rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada simpanan persaraan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan juga sedang giat mengkaji dasar yang dapat mempercepatkan proses peningkatan liputan perlindungan sosial yang

akan diumumkan kelak.

“Selain itu, kerajaan juga telah mengumumkan tahap gaji minimum RM1,500 pada 1 Mei 2022 yang juga akan menyumbang kepada penambahbaikan kualiti kehidupan rakyat,” ujarnya.

Tambah beliau, bagi menyelaraskan program-program perlindungan sosial secara holistik dan bersepadu, negara telah pun mengaktifkan semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) pada 2020, yang turut melibatkan KWSP.